


BUKU HIJAU

MANUAL SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

 Safety  Health





پارتی اسلام سیملازیا (پاس)
PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP)

Disediakan oleh,

(IR. DR. MOHAMAD NOR SHAHRANI ABDUL RAHIM)

Pengarah,

Jabatan Profesional Muda (JPro)

Disemak oleh,

(YB USTAZ AHMAD FADHLI SHAARI)

Ketua Pemuda,

Dewan Pemuda PAS Malaysia

(DPPM)

Diluluskan oleh,

(YB USTAZ DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM TUAN MAN)

Timbalan Presiden,

Parti Islam Se-Malaysia (PAS)



PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

NO. 318-A, JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR, MALAYSIA



REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan dimasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan didalamnya.

BIL	TARIKH	RUJUKAN PINDAAN			BENTUK PINDAAN	DILULUSKAN
		NO. KELUARAN	NO. PINDAAN	MUKA SURAT		
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						

ISI KANDUNGAN MANUAL SPKKP

1.0 PENGENALAN	2
1.1 Latar Belakang.....	2
1.2 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	2
1.3 Pengedaran / Penyelenggaraan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	2
1.4 Profil Organisasi/Parti	2
1.5 Objektif.....	2
1.6 Skop.....	2
2.0 DEFINISI	3
3.0 SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SKKP)	4
3.1 Dasar	4
3.1.1 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	4
3.1.2 Penglibatan ahli PAS	4
3.2 Pengelolaan.....	5
3.2.1 Tanggungjawab, Akauntabiliti dan Kewajipan.....	5
3.2.2 Kesedaran, Latihan dan Kompetensi	7
3.2.3 Dokumentasi SKKP	8
3.2.4 Komunikasi.....	9
3.3 Perancangan dan Pelaksanaan	9
3.3.1 Kajian Permulaan	9
3.3.2 Perundungan Dan Keperluan Yang Berkaitan.....	10
3.3.3 Objektif KKP	10
3.3.4 Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC).....	10
3.3.5 Pencegahan, Persediaan Dan Tindakan Kecemasan	11
3.3.6 Pengurusan Perubahan.....	11
3.3.7 Perolehan.....	12
3.3.8 Kontrak.....	12
3.3.9 Kawalan Operasi	12
3.4 Pelaksanaan dan Operasi	12
3.4.1 Pemantauan Dan Pengukuran	12
3.4.2 Siasatan Insiden	13
3.4.3 Penilaian Pematuhan.....	13
3.4.4 Audit	13
3.4.5 Semakan Pengurusan	14
3.5 Ketakakuran dan Tindakan Penambahbaikan.....	14
3.5.1 Tindakan Pembetulan dan Pencegahan	14
3.5.2 Penambahbaikan Berterusan	14
4.0 RUJUKAN	15
5.0 LAMPIRAN	16
5.1 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.....	16
5.2 Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.....	17

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Sebagai pimpinan dan ahli Parti Islam SeMalaysia (PAS), kami menyahut cabaran bersama rasa tanggungjawab dan komitmen yang tinggi bagi memutuskan untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan demi menyediakan sistem pengurusan yang efektif, sistematik dan bertaraf dunia.

1.2 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Diperjelaskan di dalam **MKKP : Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** yang dibangunkan dengan komitmen, kerjasama dan sokongan daripada pihak pimpinan dan ahli PAS.

1.3 Pengedaran / Penyelenggaraan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- ❖ Pegawai Rekod KKP bertanggungjawab bagi penyelenggaraan dan pengedaran **MKKP : Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**.
- ❖ Sebarang perubahan terhadap Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dibangunkan di dalam **MKKP : Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** akan dibuat kajian semula oleh pasukan OSH JPro.
- ❖ Dokumen induk **MKKP : Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** disimpan oleh Pegawai Rekod KKP dan salinan terkawal akan diedarkan berdasarkan **Kawalan Dokumen dan Data**.

1.4 Profil Organisasi/Parti

- ❖ Nama : Parti Islam Se-Malaysia (PAS)
- ❖ Alamat : No. 318-A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

1.5 Objektif

Manual ini membangunkan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di organisasi PAS dan menyediakan garis panduan yang berkaitan bagi penambahbaikan yang berterusan.

1.6 Skop

Manual ini memperjelaskan keperluan-keperluan bagi pembangunan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan peningkatan prestasi KKP terhadap aktiviti-aktiviti dan kemudahan-kemudahan di organisasi PAS.

2.0 DEFINISI

Bagi tujuan MKKP ini, terma dan definisi berikut digunakan:

Pimpinan	Merupakan mereka yang dilantik menerajui sesuatu Lajnah, Dewan, Jabatan, Jentera bagi Parti.
Parti	Merujuk kepada sesuatu Lajnah, Dewan, Jabatan, Kawasan, Cawangan atau Jentera bagi Parti.
Ahli	Semua ahli PAS.
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Satu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang terdiri daripada wakil pekerja dan wakil majikan yang ditubuhkan dan berfungsi di peringkat Jabatan.
KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Audit	Satu proses yang sistematik, bebas dan didokumenkan untuk mendapatkan bukti dan penilaian dibuat secara objektif untuk menentukan tahap pematuhan kriteria audit. Ini bukan semata - mata bermaksud audit bebas luaran (auditor atau auditor - auditor daripada luar Jabatan).
Hazard	Punca, situasi atau tindakan yang berpotensi untuk memudaratkan samada kecederaan atau gangguan kesihatan, kerosakan harta, kerosakan persekitaran tempat kerja atau kombinasi di antaranya.
Insiden	Rentetan kejadian yang tidak dijangka termasuk kejadian nyaris berkaitan dengan pekerjaan yang boleh menyebabkan kecederaan, masalah kesihatan atau kematian.
Kontraktor/ Pembekal	Seseorang atau sesebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada Parti.
Orang Yang Kompeten (OYK)	Seseorang yang mempunyai latihan yang bersesuaian, pengetahuan yang mencukupi, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan kerja yang spesifik.
Pemantauan Berterusan	Aktiviti-aktiviti berterusan yang menyemak sama ada langkah-langkah pencegahan dan perlindungan bahaya dan risiko, termasuk penyusunan rancangan untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP), adalah menurut kriteria yang ditentukan.
Penambahbaikan Berterusan	Proses penambahbaikan yang berterusan kepada SPKKP untuk mencapai peningkatan di dalam keseluruhan pelaksanaan KKP.
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (PKK)	Ahli jawatankuasa Parti yang dilantik menjalankan tugas sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan
Risiko	Kombinasi kebarangkalian dan keterukan untuk sesuatu kemalangan dan kejadian berbahaya yang berlaku.
Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP)	Satu set elemen yang saling berkait dan berinteraksi untuk mewujudkan polisi dan objektif KKP dan untuk mencapai objektif-objektif tersebut.

3.0 SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SKKP)

Adalah menjadi tanggungjawab pihak pimpinan atasan untuk memastikan aspek, keperluan dan arahan KKP dilaksanakan. Pihak pimpinan atasan Parti menunjukkan kepimpinan serta komitmen yang tinggi kepada setiap aktiviti KKP dan mengadakan aturan secukupnya untuk tujuan pelaksanaan SPKKP.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tersebut mengandungi elemen - elemen utama iaitu dasar, pengelolaan, perancangan dan perlaksanaan, penilaian dan tindakan penambahbaikan.

3.1 Dasar

3.1.1 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- a) Parti telah membentuk satu Dasar KKP yang melibatkan komitmen dan kepimpinan yang tinggi terhadap tindakan pencegahan kemalangan serta risiko dan permasalahan kesihatan, pencapaian serta penambahbaikan SPKKP. Dasar ini menjadi panduan dalam menyediakan suatu rangka kerja dan semakan semula objektif SPKKP.
- b) Dasar KKP yang dibangunkan juga menunjukkan komitmen pihak pimpinan dan ahli untuk mematuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), seksyen 16 dan juga peraturan lain berkaitan dengan KKP.
- c) Dasar KKP ini ditandatangani oleh Presiden Parti dan dihebahkan kepada semua Lajnah, Dewan, Jabatan, Kawasan, Cawangan dan Jentera parti. Hebahannya kepada ahli yang terlibat dibuat menerusi laman sesawang parti, paparan di papan hebahana dan lain-lain aktiviti Parti.
- d) Dasar KKP juga boleh diberikan kepada pihak awam atau mereka yang berkepentingan apabila diminta.
- e) Pihak pimpinan atasan akan mengkaji dan menyemak Dasar KKP ini dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaianya.
- f) Dasar KKP perlu didokumentasikan, dilaksanakan dan dikemaskinikan serta disimpan sebagai rekod. Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan parti adalah seperti dalam Lampiran 1.

3.1.2 Penglibatan ahli PAS

- a) Penglibatan ahli PAS adalah merupakan elemen utama bagi SPKKP dalam parti.
- b) Parti akan memastikan semua ahli diberi khidmat nasihat, maklumat dan latihan dalam semua aspek KKP termasuk langkah-langkah kecemasan yang berkaitan dengan kerja dan tugas mereka.
- c) Parti akan membuat perancangan bagi ahli supaya mempunyai masa dan sumber untuk terlibat secara aktif dalam proses pengelolaan, perancangan dan perlaksanaan, penilaian dan tindakan pembaikan dalam SPKKP.
- d) Parti akan memastikan JKPP yang ditubuhkan adalah berkesan serta mengiktiraf wakil pimpinan dan wakil ahli di dalam JKPP.

3.2 Pengelolaan

3.2.1 Tanggungjawab, Akauntabiliti dan Kewajipan

Pihak pimpinan atasaran mempunyai tanggungjawab yang besar bagi KKP dan SPKKP.

a) Komitmen Presiden

Presiden komited dalam memastikan KKP di kalangan ahli dan akan menonjolkan kepimpinan dalam semua aktiviti KKP seperti berikut:

- i. Menyalur dan menyebarkan kepentingan kepatuhan kehendak berhubung KKP;
- ii. Menerbitkan Dasar KKP;
- iii. Memastikan semua Objektif SPKKP Parti diwujudkan dan dicapai;
- iv. Menubuhkan JKKP;
- v. Mengadakan mesyuarat Semakan Pengurusan SPKKP; dan
- vi. Menyediakan sumber-sumber yang mencukupi seperti sumber manusia, kewangan, latihan dan teknologi.

Presiden hendaklah memastikan:

- i. Program SPKKP yang dilaksanakan memenuhi keperluan-keperluan dan juga objektif-objektif pengurusan SPKKP; dan
- ii. Keutuhan SPKKP tidak akan berubah walaupun berlakunya perubahan dalam pengurusan parti sama ada yang dirancang atau yang telah dilaksanakan

b) Peranan dan Tanggungjawab

Presiden

- i. Memastikan keseluruhan halatuju, keputusan dan keakuran SPKKP;
- ii. Meluluskan dasar, objektif dan program SPKKP; dan
- iii. Melantik Ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia sebagai Wakil Pengurusan SPKKP.

Ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia (Wakil Pengurusan SPKKP)

- i. Menyediakan dan menyemak Dasar, Objektif dan Program SPKKP;
- ii. Mempengerusikan mesyuarat JKKP;
- iii. Memastikan SPKKP ditubuhkan, dilaksanakan dan disenggara.
- iv. Memastikan laporan prestasi SPKKP dibentang kepada pihak pimpinan atasaran untuk semakan dan menjadi asas penambahbaikan berterusan; dan
- v. Mempromosikan penglibatan semua ahli dalam organisasi berhubung SPKKP.

Pengerusi/Ketua/Pengarah Lajnah/Dewan/Jabatan/Kawasan/Cawangan/Jentera

- i. Memastikan pelaksanaan SPKKP di organisasi di bawah tanggungjawabnya;
- ii. Menguatkuasa dan melaksanakan prosedur SPKKP yang berkaitan;



- iii. Pengawalan serta keakuran KKP untuk ahli di bawah seliaan;
- iv. Memastikan keakuran peraturan berkaitan KKP;
- v. Mematuhi arahan dari Wakil Pengurusan SPKKP; dan
- vi. Memastikan penambahbaikan berterusan SPKKP.

Ahli Parti

- i. Mematuhi prosedur SPKKP yang berkaitan;
- ii. Melaporkan semua insiden, keadaan dan perbuatan tidak selamat kepada pihak atasan;
- iii. Memakai dan menggunakan kelengkapan pelindung diri yang diadakan;
- iv. Mengambil bahagian dalam aktiviti KKP; dan
- v. Mematuhi arahan KKP dari semasa ke semasa.

Kontraktor/Pembekal

- i. Mematuhi prosedur SPKKP yang berkaitan;
- ii. Mematuhi arahan JKKP yang dikuatkuasakan oleh parti;
- iii. Melapor kejadian kemalangan kepada JKKP;
- iv. Memberi latihan KKP kepada pekerjanya; dan
- v. Membekal dan memastikan pekerja memakai kelengkapan pelindung diri.

Pelanggan/Pelawat

- i. Dikehendaki mematuhi arahan KKP yang ditetapkan oleh parti.
- c) Peranan dan Tanggungjawab JKKP

Pengerusi

- i. Mempengerusikan mesyuarat JKKP;
- ii. Memastikan pelaksanaan dan prestasi SPKKP di organisasi berkesan;
- iii. Membuat perancangan dan program bagi penambahbaikan SPKKP;
- iv. Meluluskan perancangan bajet bagi pelaksanaan program dan aktiviti KKP;
- v. Memastikan ahli mendapat latihan KKP;
- vi. Mengesyorkan ahli JKKP dan PKK; dan
- vii. Memastikan fungsi JKKP mematuhi kehendak Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

PKK / Setiausaha

- i. Mengkoordinasi dan menghadiri mesyuarat JKPP;
- ii. Mengumpul dan menyelaraskan laporan KKP;
- iii. Mencatat, menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat JKPP;
- iv. Mengukur dan mengemaskini prestasi SPKKP; dan
- v. Bertanggungjawab untuk menjalankan tugas Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan yang berkaitan.

Wakil Pimpinan

- i. Menghadiri mesyuarat JKPP;
- ii. Bekerjasama memastikan JKPP berfungsi secara berkesan; dan
- iii. Memastikan keakuran Peraturan-Peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan yang berkaitan

Wakil ahli

- i. Menghadiri mesyuarat JKPP;
- ii. Bekerjasama memastikan JKPP berfungsi secara berkesan;
- iii. Memastikan keakuran Peraturan-Peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan yang berkaitan; dan
- iv. Membawa dan membincangkan isu KKP bagi pihak ahli.

3.2.2 Kesedaran, Latihan dan Kompetensi

- a) Pengarah/Pengerusi Lajnah/Dewan/Jabatan/Jentera akan mengenal pasti keperluan latihan dan kompetensi KKP bagi ahli jawatankuasa supaya mereka prihatin dengan aspek KKP dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.
- b) Ahli jawatankuasa akan dipastikan mencapai tahap kompeten KKP untuk mengenal pasti dan menghapuskan atau mengawal hazard dan risiko berkaitan kerja serta melaksanakan SPKKP.
- c) Bagi mencapai matlamat pelaksanaan kekompetenan ahli jawatankuasa, Lajnah/Dewan/Jabatan/Jentera perlu mengadakan program latihan yang merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - i. Melibatkan semua ahli jawatankuasa Lajnah/Dewan/Jabatan/Jentera;
 - ii. Dijalankan oleh tenaga pengajar yang kompeten;
 - iii. Menyediakan latihan yang berkesan diperingkat permulaan dan latihan ulangan pada tempoh masa tertentu;
 - iv. Mengambil kira maklumbalas peserta berkenaan pemahaman dan jangkamasa latihan yang diadakan;

- v. Penyemakan semula modul latihan secara berkala yang melibatkan JKKP serta program latihan diubahsuai mengikut keperluan bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya; dan
- vi. Segala maklumat yang berkaitan program latihan direkodkan dan didokumentasikan
- d) Prosedur program latihan dibangunkan dan dikenalkan bagi mengenal pasti keperluan latihan untuk memahami dan peka kepada situasi kerja yang boleh terdedah kepada hazard dan risiko yang signifikan.
- e) Keperluan analisis latihan bagi ahli parti perlu juga meliputi situasi kerja luar jangka yang boleh terdedah kepada hazard dan risiko yang signifikan.
- f) Rekod latihan akan dikenalkan bagi setiap program latihan untuk setiap ahli parti yang telah menghadiri sesi latihan dan perlu disimpan.

3.2.3 Dokumentasi SKKP

- a) Parti perlu menyediakan dan menyenggara dokumentasi SPKKP meliputi:-
 - i. Dasar dan Objektif KKP Parti;
 - ii. Peranan dan tanggungjawab pengurusan KKP bagi pelaksanaan SPKKP; dan
 - iii. Hazard atau risiko KKP yang timbul dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan kaedah bagi pencegahan dan pengawalannya.
- b) Dokumen SPKKP yang disediakan perlu:-
 - i. Dinyatakan dengan jelas dan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami oleh sesiapa yang akan menggunakananya;
 - ii. Disemak secara berkala, diulangkaji penambahbaikan dibuat jika perlu, dibincangkan dan mudah diperolehi oleh semua ahli parti; dan
 - iii. Keterangan berkenaan hubungkait antara setiap elemen SPKKP.
- c) SPKKP Parti dibahagikan kepada 3 tahap:-
 - i. Tahap 1: Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MKKP);
 - ii. Tahap 2: Prosedur atau Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan(PKKP); dan
 - iii. Tahap 3: Borang dan Rekod KKP.
- d) Kawalan Dokumen:-
 - i. Parti perlu membangunkan dan mengekalkan prosedur bagi memastikan semua dokumen dan data berkaitan SPKKP sama ada dalam bentuk cakera padat atau dalam internet/intranet yang diselia sebaiknya;
 - ii. Dokumen diletakkan di ruang yang mudah diakses oleh semua ahli parti; dan

- iii. Dokumen dan data mengenai keberkesanan sistem operasi perlu diklasifikasikan sebagai dokumen terkawal dan perlu disemak serta diluluskan oleh Wakil Pengurusan SPKKP.
- e) Kawalan Rekod
- i. Pengurusan rekod KKP sama ada dalam bentuk "hardcopy" atau dalam bentuk digital perlu dibangunkan, diselenggara dan dikenalkan bagi menunjukkan pencapaian dan keberkesanan SPKKP. Rekod perlulah dikenal pasti dan dapat dikesan serta jangka masa penyimpanan dinyatakan dengan jelas

3.2.4 Komunikasi

- a) Parti perlu mewujudkan dan mengekalkan prosedur komunikasi bagi:-
 - i. Menerima, mendokumentasi dan memberi maklum balas yang sepatutnya kepada komunikasi dalaman dan luaran yang berkaitan dengan KKP;
 - ii. Memastikan komunikasi dalaman antara Parti dan pihak ketiga berkaitan KKP adalah berfungsi dan berkesan; dan
 - iii. Memastikan bahawa maklum balas, idea-idea dan cadangan daripada ahli parti atau wakil berkenaan hal-hal KKP diterima, dipertimbangkan dan diberi perhatian.
- b) Perundingan dan komunikasi dalaman bermaksud perundingan dan komunikasi di antara pelbagai fungsi di dalam parti yang membolehkan para ahli parti berunding dan berkomunikasi perihal berkaitan hazard dan risiko, isu-isu KKP serta SPKKP.
- c) Perundingan dan komunikasi luaran bermaksud perundingan dan komunikasi di antara Parti dan pihak luaran yang berkaitan dengan isu-isu KKP.

3.3 Perancangan dan Pelaksanaan

3.3.1 Kajian Permulaan

- a) Parti perlu membuat kajian permulaan untuk menilai inisiatif atau program KKP sedia ada supaya penyusunan yang sepatutnya dapat dibuat bagi mewujudkan SPKKP yang berkesan.
- b) Kajian permulaan dilakukan oleh pihak pengurusan melalui JKPP dengan dibantu oleh pasukan OSH JPro dan perundingan dengan ahli parti.
- c) Keputusan kajian permulaan perlu:-
 - i. Didokumentasikan;
 - ii. Menjadi asas untuk membuat keputusan berkaitan dengan pelaksanaan SPKKP; dan
 - iii. Menyediakan asas pengukuran bagi penambahbaikan berterusan SPKKP parti.

3.3.2 Perundangan Dan Keperluan Yang Berkaitan

- a) Parti perlu mewujudkan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan dalam SPKKP yang bertujuan untuk:-
 - i. Mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan parti;
 - ii. Memenuhi elemen-elemen SPKKP Jabatan; dan
 - iii. Penambahbaikan berterusan di dalam prestasi KKP.
- b) Wakil Pengurusan KKP akan memastikan peraturan dan lain-lain keperluan berkenaan KKP dikenal pasti, boleh dirujuk, diperjelaskan, terkini dan disampaikan kepada yang berkenaan.
- c) Parti perlu mengemaskini maklumat yang berkaitan dengan perundangan dan keperluan.

3.3.3 Objektif KKP

- a) Objektif KKP adalah sasaran jangka pendek KKP Parti yang dibangunkan berkaitan dengan dasar KKP yang ditetapkan, dengan mengambil kira hazard dan risiko.
- b) Objektif KKP perlu merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Spesifik kepada Parti, bersesuaian dan berdasarkan kepada jenis aktiviti yang dilaksanakan;
 - ii. Konsisten dengan undang-undang dan peraturan yang relevan, dengan mengambil kira pilihan teknologi, sumber kewangan, keperluan operasi dan pengurusan Parti serta pandangan badan-badan berkaitan dan pengurusan organisasi berkaitan dengan KKP;
 - iii. Penumpuan kepada peningkatan berterusan terhadap perlindungan KKP ahli Parti untuk mencapai tahap KKP yang terbaik;
 - iv. Realistik dan mampu dicapai;
 - v. Di dokumentasi dan dihebahkan kepada semua ahli Parti; dan
 - vi. Dinilai secara berkala dan dikemaskini jika perlu.
- c) Semua objektif KKP perlu diluluskan oleh Wakil Pengurusan SPKKP.
- d) Perkembangan dan pencapaian objektif perlu dipantau secara berterusan dan menerusi audit dalaman.
- e) Objektif KKP perlu disampaikan kepada semua ahli Parti menerusi latihan kesedaran.

3.3.4 Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)

- a) Parti perlu mengadakan aktiviti berterusan bagi mengenal pasti dan menilai hazard serta risiko KKP kepada ahli Parti dikemukakan kepada pihak pimpinan dan perlu dikemaskini.
- b) Langkah-langkah pencegahan dan perlindungan dilaksanakan mengikut keutamaan berikut:

- i. Menghapuskan hazard/risiko;
 - ii. Mengawal punca hazard/risiko melalui kawalan kejuruteraan atau secara pentadbiran;
 - iii. Meminimumkan hazard/risiko dengan mewujudkan sistem kerja selamat, termasuk langkah-langkah kawalan secara pentadbiran; dan
 - iv. Sekiranya sebahagian hazard/risiko tidak dapat dikawal oleh langkah-langkah di atas, pihak pengurusan perlu menyediakan kelengkapan perlindung diri yang sesuai, melatih cara penggunaan dan menyenggarakannya.
- c) HIRARC perlu:
- i. Disesuaikan kepada hazard dan risiko yang dihadapi oleh ahli Parti;
 - ii. Disemak dan diubahsuai mengikut kekerapan yang ditetapkan;
 - iii. Mematuhi undang-undang dan peraturan serta menggambarkan amalan yang baik; dan
 - iv. Mengambil kira keadaan pengetahuan semasa termasuk maklumat atau laporan daripada pihak berkaitan serta badan-badan pakar.

3.3.5 Pencegahan, Persediaan Dan Tindakan Kecemasan

- a) Parti perlu mewujud serta mengekalkan prosedur untuk pencegahan, persediaan dan tindakan terhadap kecemasan. Ini akan mengenal pasti segala potensi berlakunya kemalangan dan situasi kecemasan serta memberikan penumpuan tentang pencegahan risiko KKP yang berkaitan dengan aktiviti parti.
- b) Prosedur pencegahan, persediaan dan tindakan kecemasan diwujudkan dengan mengambil kira kerjasama dengan perkhidmatan kecemasan luaran dan agensi lain di mana perlu.
- c) Prosedur pencegahan, persediaan dan tindakan kecemasan perlu disemak secara berkala mengikut kesesuaian untuk meningkatkan keberkesanannya.

3.3.6 Pengurusan Perubahan

- a) Kesan daripada perubahan dalaman di Parti (seperti pengambilan pekerja sepenuh masa parti, prosedur kerja, struktur organisasi atau perolehan) dan perubahan luaran (contohnya, hasil daripada pindaan undang-undang dan peraturan, penggabungan organisasi, dan pembangunan di dalam teknologi KKP) perlu diambil kira bagi membuat penilaian dan langkah pencegahan yang sesuai diambil sebelum memperkenalkan sebarang perubahan.
- b) Pengenalpastian hazard dan penaksiran risiko di tempat kerja perlu dijalankan sebelum sebarang pengubahsuaian atau kaedah kerja, bahan-bahan, proses atau jentera yang baru diperkenalkan.
- c) Sebarang perubahan yang dilaksanakan perlu dimaklumkan kepada ahli parti yang terlibat dan diberi latihan secukupnya.

3.3.7 Perolehan

- a) Parti perlu mewujud serta mengekalkan prosedur perolehan untuk memastikan supaya:
- i. Keperluan KKP yang perlu dipatuhi hendaklah dikenalpasti, dinilai dan digabungkan dalam spesifikasi perolehan;
 - ii. Undang-undang, peraturan dan keperluan KKP hendaklah dikenalpasti sebelum perolehan; dan
 - iii. Penyusunan diadakan untuk mencapai penyesuaian terhadap keperluan sebelum ianya digunakan.

3.3.8 Kontrak

- a) Parti perlu mewujud serta mengekalkan penyusunan prosedur bagi keperluan KKP yang sesuai untuk diguna pakai oleh kontraktor dan pekerja di bawahnya.

3.3.9 Kawalan Operasi

- a) Parti perlu mengenal pasti operasi dan aktiviti yang berkaitan dengan mengenal pasti kesignifikanan hazad dan risiko tertentu selari dengan polisi dan objektif KKP.
- b) Parti perlu merancang aktiviti, bagi memastikan ia dilaksanakan di bawah keadaan yang spesifik dengan membangunkan dan mengekalkan dokumen prosedur pengawalan operasi untuk melindungi situasi di mana ketiadaannya boleh membawa kepada ketakakuran terhadap polisi dan objektif KKP.
- c) Parti akan memastikan pembangunan prosedur pengawalan operasi berkenaan dengan pengenalphastian kesignifikanan hazad dan risiko daripada aktiviti-aktiviti, di mana akan dimaklumkan kepada kontraktor dan lain-lain pihak yang berkaitan.

3.4 Pelaksanaan dan Operasi

3.4.1 Pemantauan Dan Pengukuran

- a) Prosedur untuk memantau, mengukur dan merekod prestasi KKP Parti perlu diadakan, dilaksanakan dan disemak secara berkala dan teratur dari semasa ke semasa. Tanggungjawab akauntabiliti dan kewajipan untuk membuat pemantauan di setiap peringkat dalam struktur pengurusan perlu dikenal pasti dan dikemaskinikan.
- b) Pemilihan pengukuran pencapaian adalah berdasarkan kepada objektif KKP dan aktiviti Parti.
- c) Pengukuran kualitatif dan kuantitatif yang sesuai dengan keperluan Parti perlu dipertimbangkan.
- d) Pemantauan pencapaian dan pengukuran akan:
 - i. Digunakan sebagai satu cara menentukan setakat mana dasar KKP, objektifnya dan pengawalan risiko telah dilaksanakan; dan
 - ii. Melibatkan pemantauan aktif dan reaktif dan tidak hanya berdasarkan kepada statistik kecederaan, penyakit kesihatan, penyakit dan kemalangan berkaitan kerja sahaja dan direkodkan.

- e) Pemantauan aktif dan reaktif merangkumi;—
 - i. Maklum balas prestasi KKP;
 - ii. Maklumat untuk menentukan samada pengaturan untuk mengenal pasti hazard dan risiko, pencegahan dan kawalan harian diadakan secukupnya dan beroperasi secara berkesan; dan
 - iii. Asas dalam pengukuran pencapaian dasar dan objektif KKP serta ruang pembaikan dalam mengenal pasti hazard dan kawalan risiko dan pelaksanaan SPKKP.
- f) Semua hasil pemantauan hendaklah ditentukur dan dikekalkan serta direkodkan.

3.4.2 Siasatan Insiden

- a) Semua kecederaan akibat pekerjaan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, dan penyakit pekerjaan akan dilaporkan kepada pihak pengurusan mengikut peraturan sedia ada.
- b) Parti perlu mewujudkan dan mengguna pakai prosedur siasatan untuk mengenal pasti sebarang kegagalan SPKKP.
- c) Siasatan tersebut mesti dilakukan oleh Orang Yang Kompeten yang dilantik dengan dibantu oleh ahli parti yang terlibat.
- d) Laporan penuh siasatan perlu didokumenkan serta disenggara dan jika perlu, laporan tersebut akan dipanjangkan kepada pimpinan atasan.
- e) Hasil laporan siasatan tersebut perlu membuat cadangan yang bersesuaian.
- f) Sebarang cadangan yang dikemukakan, akan dimaklumkan kepada orang yang berkennaan untuk tindakan pembetulan termasuk dalam semakan pengurusan dan dipertimbangkan untuk aktiviti penambahbaikan secara berterusan.
- g) Tindakan pembetulan yang dicadangkan daripada penyiasatan tersebut akan dilaksanakan untuk mengelakkan berulangnya kemalangan, kejadian berbahaya, penyakit dan keracunan pekerjaan.

3.4.3 Penilaian Pematuhan

- a) Selari dengan komitmen pematuhan perundangan dalam dasar KKP Parti perlu mewujudkan prosedur untuk memantau pematuhan perundangan KKP yang berkaitan secara berkala.
- b) Parti perlu menyimpan dan mengekalkan laporan penilaian pematuhan.

3.4.4 Audit

- a) Parti perlu mewujudkan perancangan untuk menjalankan audit berkala bagi menentukan sama ada SPKKP dan elemen-elemennya cukup dan berkesan dalam melindungi keselamatan dan kesihatan ahli Parti bagi mencegah berlakunya kemalangan serta memastikan pencapaian dasar dan objektif KKP.

- b) Parti perlu mewujudkan program audit termasuk penentuan kompetensi juruaudit, skop pengauditan, kekerapan audit, metodologi audit dan pelaporan berdasarkan keputusan HIRARC dan audit yang lepas.
- c) Skop pengauditan merangkumi elemen-elemen dalam SPKKP.
- d) Pengauditan akan dilakukan oleh juruaudit dalam atau luaran yang dilantik yang mana bebas daripada aktiviti-aktiviti yang akan diaudit.
- e) Keputusan audit dan kesimpulannya perlu dimaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk tindakan pembetulan

3.4.5 Semakan Pengurusan

- a) Pihak pimpinan atasan perlu mengkaji semula SPKKP, bagi memastikan ianya bersesuaian, mencukupi dan berkesan. Semakan pengurusan perlu mengenal pasti ruang penambahbaikan Dasar dan Objektif KKP serta SPKKP.
- b) Kekerapan dan skop semakan SPKKP akan dijalankan mengikut keperluan.
- c) Hasil daripada semakan pengurusan akan direkod, didokumen dan dimaklumkan kepada pihak yang terlibat.

3.5 Ketakakuran dan Tindakan Penambahbaikan

3.5.1 Tindakan Pembetulan dan Pencegahan

- a) Pengurusan untuk tindakan pembetulan dan pencegahan yang wujud hasil daripada pemantauan dan pengukuran prestasi SPKKP, pengauditan SPKKP dan semakan pengurusan perlu diwujudkan serta dikekalkan untuk tujuan penambahbaikan berterusan berhubung elemen-elemen yang relevan kepada SPKKP.
- b) Apabila penilaian ke atas SPKKP atau sumber-sumber penilaian lain menunjukkan langkah pencegahan dan perlindungan kepada hazard dan risiko adalah tidak berkesan atau kelihatan kurang berkesan, pengukuran perlu dinyatakan berdasarkan hierarki pencegahan dan pengukuran kawalan yang lengkap dan didokumenkan pada masa yang sesuai.
- c) Tindakan pembetulan dan pencegahan yang mengenal pasti hazard baru atau yang menyebabkan perubahan hazard dan keperluan untuk kawalan baru atau perubahan kawalan, prosedur memerlukan tindakan-tindakan yang dicadangkan mestilah berdasarkan penaksiran risiko sebelum tindakan tersebut dilaksanakan.
- d) Tindakan pembetulan atau pencegahan yang diambil untuk menghapuskan punca-punca nyata atau yang berpotensi menyebabkan ketakakuran hendaklah bersesuaian dengan peringkat masalah dan risiko dalam KKP yang dihadapi.
- e) Parti perlu memastikan bahawa apa-apa perubahan yang perlu dan timbul daripada tindakan pembetulan dan pencegahan hendaklah didokumenkan dalam SPKKP.

3.5.2 Penambahbaikan Berterusan

- a) Perancangan penambahbaikan berterusan elemen SPKKP yang berkaitan perlulah dibangunkan dan disenggara

4.0 RUJUKAN

- ❖ **OHSAS 18001** *Occupational Health and Safety Management Systems - Specification.*
- ❖ **MS 1722:2011** *Occupational Safety and Health Management Systems - Requirements.*
- ❖ **MS 45001:2018** *Occupational Health And Safety Management Systems.*



5.0 LAMPIRAN

5.1 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Adalah menjadi dasar PAS untuk menyediakan persekitaran kerja dan tugas yang selamat dan sihat untuk semua ahlinya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti parti.

Pihak pimpinan dan ahli akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama.

Khususnya, dasar KKP parti ialah:

Untuk menyedia satu tempat kerja dan sistem kerja yang selamat dan selesa kepada ahli dan orang-orang lain yang berada di premis-premis Parti;

- i. Untuk bersama mengurus penyenggaraan tempat, kemudahan dan peralatan yang menjamin keselamatan dan kesihatan pekerjaan supaya ia tidak menimbulkan bencana keselamatan dan kesihatan;
- ii. Untuk memberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan kepada semua ahli dan petugas parti mengenai cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada keselamatan dan kesihatan;
- iii. Untuk menyiasat dan melaporkan semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- iv. Untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- v. Menetapkan sasaran objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan merancang program-program ke arah pencapaian objektif tersebut;
- vi. Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan bagi semua ahli dan petugas parti; dan
- vii. Untuk mengkaji semula dasar ini dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan apabila perlu.

Parti yakin bahawa keselamatan dan kesihatan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian kita dan membudayakan cara kerja yang selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi parti.

YB DATUK SERI HAJI TAKIYUDDIN BIN HASSAN

SETIAUSAHA AGUNG
PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

5.2 Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Penambahbaikan Bertingkat

Ketakakuran dan Tindakan Penambahbaikan	Dasar
<ul style="list-style-type: none">▪ Tindakan Pembetulan dan Pencegahan▪ Penambahbaikan Berterusan	<ul style="list-style-type: none">▪ Dasar Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (Dasar KKP)▪ Penglibatan Ahli Parti

Pelaksanaan dan Operasi	Pengelolaan
<ul style="list-style-type: none">▪ Pemantauan dan Pengukuran▪ Siasatan Insiden▪ Penilaian Pematuhan▪ Audit▪ Semakan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none">▪ Tanggungjawab, Akauntabiliti dan Kewajipan.▪ Kesedaran, Latihan dan Kompetensi▪ Dokumentasi SKKP▪ Komunikasi

Perancangan dan Pelaksanaan

- Kajian Permulaan
- Perundungan dan Keperluan Yang Berkaitan
- Objektif KKP
- Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)
- Pencegahan, Persediaan dan Tindakan Kecemasan
- Pengurusan Perubahan
- Perolehan
- Kontrak
- Kawalan Operasi